

TARIKH	10 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	24	RUANGAN	Setempat

Jemaah diingot beri perhatian pemakaian ihram

PETALING JAYA: Jemaah haji yang bakal berlepas sepanjang tempoh 10 hari terakhir ini diingotkan supaya memberi perhatian kepada pemakaian ihram yang lebih sempurna kerana mereka akan berihram dari Malaysia.

Timbalan Pengarah Tabung Haji Negeri, Mohd Rafidi Ibrahim berkata, pihaknya mendapati masih wujud segelintir jemaah mengenakan ihram tidak begitu memenuhi keperluan sepatutnya seperti pemakaian selipar yang tidak menampakkan kelima-lima jari kaki dan tumit bagi jemaah lelaki.

Menurutnya, segala keperluan itu seharusnya sempurna dari rumah lagi bagi mengelak timbul masalah di saat akhir jika barangan dipakai tidak begitu menepati keperluan sepatutnya.

“Bagi jemaah lelaki, selipar dipakai ketika berihram harus menampakkan semua jari kaki dan tumit namun masih ada yang me-

Segala keperluan itu seharusnya sempurna dari rumah lagi bagi mengelak timbul masalah di saat akhir jika barangan dipakai tidak begitu menepati keperluan sepatutnya.

nutupi sebahagian saja.

“Manakala jemaah wanita pula perlu menumpukan kepada penjagaan aurat kerana masih ada di kalangan mereka memakai stokin nipis sedangkan ia sepatutnya tebal disebabkan kaki perlu ditutup sepenuhnya.

“Malah, sarung lengan juga disaran dipakai semua jemaah wanita bagi mengelak aurat mereka terdedah jika berlakunya situasi pakaian terselak,” katanya.

Kata beliau, persediaan perlu dilakukan lebih awal bagi mengelak jemaah terkejar-kejar mencari barangan untuk berihram sebelum berlepas hanya kerana tidak memenuhi keperluan pemakaian terbabit.